

Tumpu pada matlamat

Mukadimah

SEBAGAI Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sentiasa diuji dengan pelbagai tuduhan yang membabitkan keupayaannya mentadbir negara dan serangan yang bersifat peribadi.

Bagaimanapun, beliau yang telah menerajui Malaysia selama dua setengah tahun tidak menjadikan tuduhan itu sebagai suatu yang melemahkan dan menjejaskan keupayaan untuk mentadbir negara.

Dalam satu wawancara dengan Pengerusi Berita Nasional Malaysia (Bernama), Datuk Mohd. Annuar Zaini dalam Program *Bersemuka Bersama Perdana Menteri* di TV3 malam tadi, Abdullah menjelaskan segala isu berhubung menantunya, corak pentadbirannya hinggalah kepada pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

Penjelasan Perdana Menteri itu sekaligus menafikan semua yang berlaku adalah kelemahan dirinya sendiri.



Janji pilihan raya

31 Oktober 2003 Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi telah mengangkat sumpah jawatan sebagai Perdana Menteri Malaysia yang kelima. Sebagai kenyataan dasar baru telah dikeluarkan meletakkan satu angin perubahan yang menjanjikan bayu pembaharuan. Imaginasi ini telah diterima rakyat jelata seperti yang dicerminkan dalam sokongan padu dan kemenangan besar Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya yang diadakan pada 2004.

Janji-janji itu telah diterjemahkan baru-baru ini dalam bentuk rancangan pembangunan yang begitu komprehensif iaitu RMK-9, dan la- ta mengucapkan selamat datang kepada Datuk Seri dan apa inti pati utama sebagai memenuhi manifestasi pilihan raya yang terkandung dalam RMK-9.

ABDULLAH - Ya, yang pertama sekali ialah ia mempunyai satu matlamat besar iaitu untuk mencapai matlamat Wawasan 2020. Itu yang pertama. Jadi kita memastikan atas landasan itu. Yang kedua ia berhubung kait dengan pembinaan membangunkan modal insan yang bermutu. Kalau kita kekurangan modal insan yang bermutu kita tidak boleh menjadi negara maju untuk mencapai Wawasan 2020.

Dan yang lagi satu ada hubung kait dengan betapa pentingnya meningkatkan lagi nilai tambah. melalui modal insan nilai tambah mesti ditingkatkan. Kita mahu supaya, saya mahu supaya perbezaan-perbezaan yang ketara dari segi kedudukan ekonomi, dari segi mendapat peluang untuk menikmati kemajuan itu mesti juga diatasi.

Saya mahu juga supaya nanti rakyat akan dapat menikmati salah satu kehidupan yang bermutu.

Modal insan

Dengan perkara-perkara yang menjadi *favourite* ataupun keutamaan Datuk

Seri ini tidakkah memakan masa yang lama bila kita bercakap mengenai modal insan.

ABDULLAH - Betul.

Rakyat kini sudah terlalu biasa dengan pembangunan yang berbentuk fizikal yang seolah-olah memberikan satu manfaat yang secara langsung, *direct* dan cepat.

ABDULLAH - Nanti. Ia begini, sebab itu syarat rancangan saya ialah hendak membawa kepada ke arah mencapai Wawasan 2020. Maka mesti ada pendekatan yang mesti dilaksanakan sepanjang masa dari sekarang sampai tahun 2020. Ertinya RMK-9, RMK-10, RMK-11.

Yang saya sebut itu teras, teras, apakah terasnya yang perlu menjadi panduan, yang perlu menjadi panduan terpenting bagi RMK-9, RMK-10), RMK-11. Sebab itu matlamatnya, kalau tidak longgarlah nanti.

Dan bagi RMK-9 barulah ada projek-projek yang boleh dilihat dan hendak kita laksanakan itu. Macam-macam projek ada yang telah diumumkan hendak membawa pembangunan kawasan-kawasan baru, koridor-koridor baru yang sudah semestinya dimulakan pembangunannya pada masa sekarang jugak, pada tahun ini.

Projek RMK-9

Seperti yang diumumkan RM15 bilion dalam bentuk 808 projek,

ABDULLAH - Itu telah diumumkan Untuk dalam dua tahun. Ini projek-projek fiskal yang rakyat akan lihat. Itu belum habis lagi itu, itu baru yang peringkat pertama, akan diumumkan lagi dari semasa ke semasa.

Adakah ini satu perubahan yang cukup berbeza sebab sebelum ini nilai rakyat bahawa YAB begitu berhati-hati bimbang dengan defisit negara tiba-tiba muncul satu pengumuman yang begitu

besar RM15 bilion yang akan dilaksanakan dan akan dibelanjakan.

ABDULLAH - Duit ada, dan kita boleh keluarkan wang itu. Dulu masa saya ambil alih defisit itu agak tinggi. Agak tinggi. Kalau dibiarkan terus meningkat ia akan membawa kesan-kesan yang tidak baik, satunya pada diri saya akan juga menjadi masalah kerana saya adalah PM dan Menteri Kewangan. Jadi dengan itu membawa kesan buruk kepada ekonomi.

Maka sudah tentulah diberi perhatian dengan hal yang berkaitan dengan defisit, tetapi saya berjaya kurangkan defisit daripada tahun ke setahun, telah dikurangkan. Semasa defisit itu dikurangkan, ekonomi masih menikmati pertumbuhan dan keadaan tentang inflasi dapat dibendung pada waktu itu tetapi dengan naik harga minyak apa yang dapat kita buat. Sebelum itu, masih dapat dibendung. Tapi dengan inflasi yang dapat dikawal, dengan ekonomi yang tumbuh dan dengan defisit yang dikurangkan ini adalah satu pencapaian yang boleh diakui adalah elok.

Sekarang apabila sudah dikawal dan defisit itu sudah turun, makakita sudah sedia untuk mengeluarkan perbelanjaan. Dan dengan adanya pula nanti habuan sebab harga minyak Petronas makin bertambah, maka bolehlah kita banyak wang dan kita gunakan untuk peningkatan yang lain.

Mekanisme agihan projek RMK-9

Masalah dari segi lain pula yang akan diperhatikan ialah agihan peluang yang disediakan kerajaan dari segi peluang-peluang ekonomi daripada RM15 bilion ini Apakah mekanisme yang dapat menjamin.

ABDULLAH - Yang RM15 bilion ini melalui tender. Semua akan dapat peluang untuk mendapat kontrak yang berkenaan. Itu pertama yang kedua kalau dilihat 880 projek besar dan kecil untuk keperluan untuk permintaan pel-

| Jadi bila ada dirancang pelaksanaannya, maka saya akan turun secara peringkat yang hampir *micro management*. Saya tak berapa suka sebenarnya dengan *micro management* ini. Turun pada peringkat *detail*. Bukan kerja saya •

bagai jenis kontraktor kelas A sampai kelas F pun ada dan yang mampu melaksanakan.

Ia bukan satu pengumuman yang memberi konsentrasi kepada projek-projek besar sahaja, 880 untuk semua kategori.

Itu impian TAB dan hasrat yang begitu murni bahawa untuk dibuat secara terbuka dan penyeretaan akan dinilai secara adil kepada mereka,

ABDULLAH - Ini akan merangsangkan sektor-sektor pembinaan yang sekarang ini agak lembap dan kedai-kedai *hardware* akan menikmati juga.

Pelaksanaan RMK-9

Tetapi ada masanya antara niat, dan hasrat seorang pemimpin yang murni yang baik, dia juga tiada masa untuk meneliti di peringkat mikro, peringkat pelaksanaan. Jadi mungkin setuju di antara hasrat dan niat ini dengar apa yang berlaku di peringkat pelaksanaan yang banyak menimbulkan keraguan pada akhirnya.

ABDULLAH - Itu juga kebimbangan saya. Sebab itu dalam teras yang saya sudah letakkan yang kelima itu berkaitan dengan pelaksanaan. Pelaksanaan itu jadi teras. Sebab itu ditubuhkan National Implementation, yang kita dah tubuhkan satu jawatankuasa pelaksanaan iaitu saya dan Datuk Seri Najib jadi timbalan dan menteri-menteri yang mewakili agensi-agensi Pusat jadi anggota. Sebab saya sekarang yakin bahawa kita sebagai pelaksana mencari jalan yang baik tanpa menimbulkan kelam kabut, kekacauan kurang koordinasi yang pentingnya ialah mesti dirancang pelaksanaannya.

Jadi bila ada dirancang pelaksanaannya, maka saya akan turun secara peringkat yang hampir *micro management* Saya tak berapa suka sebenarnya dengan *micro management* ini. Turun pada peringkat *detail*. Bukan kerja saya.

Teliti dalam pelaksanaan RMK-9

■ Sambungan dari muka 10

Mikro, dasar semua sudah ditentukan. Tapi apabila dah ditetapkan corak pelaksanaan itu menjadi satu program yang mesti diperhalusi dipastikan berjalan dengan baik. Mau tidak mau saya turun, saya jadi pengerusi Datuk Seri Najib jadi timbalan. Maka kita dapat lihat pada peringkat yang dah mikro bagaimana nakah projek-projek itu dijalankan, dan dipastikan turun ke bawah. Sebab itu dalam lawatan saya ke negeri-negeri saya berjumpa minta diteruskan. Baru-baru ini di Terengganu saya diberi taklimat tentang apa yang berlaku di pejabat daerah, bagaimana mereka dapat mempercepatkan waktu, yang dulu agak panjang untuk menguruskan tanah, untuk menguruskan macam-macam.

Saya ingat yang itu orang sudah nampak kesungguhan. Tetapi perkara yang hangat dibangkitkan pada hari ini ialah peluang ekonomi atau peluang perniagaan atau peluang tender yang disediakan kerajaan ini, siapa yang dapat manfaat. Sebab dibilik berita pemberita-pemberita kita kadang-kadang mengutip cerita yang mengatakan yang RM15 bilion yang diumumkan Datuk Seri ini sebenarnya cakap saja diumumkan untuk tender terbuka tetapi sudah ada orang yang dapat.

ABDULLAH - Itu cakap tidak betul langsung. Seolah-olah saya menipu rakyat dan dia membuat satu gambaran saya menipu rakyat. Saya mengumumkan sesuatu yang telah diberikan kepada orang lain, saya menggunakan peruntukan RM15 bilion yang saya diberikan kepada orang lain. Ini cakap fitnah ni. Kalau dia betul-betul, talis surat. Berani kerana benar, cakap dan kita ambil tindakan. Saya nak dia buktikan macam mana, apa maklumat, di mana dia dapat maklumat, kalau dia tak dapat, dia rasalah padahnya.

TAB sedia membuka pintu dan untuk orang yang mempunyai bukti untuk datang berjumpa dan menyampaikan.

ABDULLAH - Bagi surat pada saya, bila nak bagi, dia boleh bagi salinan kepada polis, BPR bagi pada saya atau melalui agensi yang lain.

Bagi bukti dan saya hendak dia jelaskan. Ini menghina kerajaan, dia nak menghina saya. Mana boleh macam tu.

Kontrak RMK-9 secara tender terbuka

Tapi dengan satu gambaran yang sangat berlainan daripada gambaran yang dilukis tentang YAB sebelum jadi PM bukan sahaja diakui bukan sahaja dalam negara ini, tapi di peringkat antarabangsa yang mempunyai imej yang bersih. Maka dengan hari ini cakap-cakap begini seolah-olah sudah tercalar dengan imej yang bersih itu. Mengapa keadaan begini boleh berlaku.

ABDULLAH - Saya tak tau mengapa boleh berlaku. Orang yang berkenaanlah mempunyai sebab-sebab mengapa dia buat tuduhan-tuduhan, terhadap saya, nak memperlekeh-lekehkan saya, mungkin dia ada agenda tertentu. Kalau dia tuduh saya korupsi, polis ada. Bagitau saja. Tapi mengapa? Ertinya dia takikhlas. Mungkinsayabolehkatadiajahat.


Fitnah terhadap Khairy

Tetapi ada juga yang masih mempercayai imej bersih dan niat yang tidak berubah. Ada pula yang kata ada orang di sekeliling YAB yang begitu berpengaruh dan YAB baru-baru ini menafikannya. Berterus terang saya cakap tentang Khairy Jamaluddin kebetulan menantu YAB.

ABDULLAH - Ya begini, Khairy dulu kerja dengan saya. Sebagai pegawai dia ada peranan semua pegawai ada peranan memberi laporan, memberi pandangan. Soal saya terima atau tidak itu keputusan saya.


Yang kedua, bila banyak timbul cerita anak 28 tahun yang begitu berpengaruh, dia berhenti, dia tidak mahu kerja dengan saya. Dia telah hidup dan dapat beli ialah orang kata saham yang kecil untuk jadi rakan kongsi dalam ECM Libra sebagai orang yang punyai syer kecil saya tau dia ambil Joan untuk tujuan berkenaan.

Tapi kata dia nak rampas ambil projek, tiada bukti



Projek ini memang mendapat perhatian dan saya tahu Proton itu sebuah syarikat nasional, kebanggaan rakyat Malaysia. Saya tidak akan membenarkan Proton nanti tersungkur jatuh. Saya akan buat apa juga untuk bantu Proton dan Proton pun banyak vendor dan bila Proton sakit, banyak juga vendor yang akan sakit. Jadi dengan itu saya telah mengambil kepastian Proton dipastikan tidak akan tersungkur dan gulung tikar.

Soal dia jadi menantu saya, saya tak anggap itu sebagai faktor yang nombor satu, Kita tak boleh beri sesuatu kerana dengan mengangap dia anak sipolan bin sipolan. Orang nak tau sejauh mana dia dilantik



daripada saya yang Khairy rampas projek, Khairy yang mengambil projek kerajaan, tiada.

Adakah satu dilema yang begitu berat sebab kebetulan dia menjadi anggota keluarga tetapi juga mempunyai pengaruh politik dalam pergerakan Pemuda UMNO.

ABDULLAH- Soalnya dia sudah masuk menjadi ahli sebagai ahli Pergerakan Pemuda UMNO dan dia pulajadi Naib Presiden. Saya masih ingat lagi, ini saya cakap terang-terang, saya tak taulah kalau Hisham marah kat saya, Hisham kata Pemuda *decide*, saya *decide* dia kata saya nak cadangkan Khairy sebagai naib ketua, Pak Lah jangan kacau, ini hal Pemuda, Pak Lah jangan kacau *we want him*.

Sebagai naib dia kena buat kerjalah. Pengaruh yang akan ada pada dia terhadap Pemuda bergantung kepada apa yang dia lakukan, apa yang dia usahakan, apa yang dia kerjakan.

Soal dia jadi menantu saya, saya tak anggap itu sebagai faktor yang nombor satu. Kita tak boleh beri sesuatu kerana dengan menganggap dia anak si polan bin si polan. Orang nak tau sejauh mana dia dilantik.

Mungkin pada peringkat pertama dia diboo dan

sebagainya, dan pada hari ini saya tengok pada Perhimpunan Agung UMNO tahun sudah dia begitu berkemampuan membawa usul pergerakan Pemuda, Dia dipuji. Sebelum itu lain selepas itu dipuji.

Tetapi pada peringkat Datuk Seri, bagaimana perinsip garis panduan untuk memisahkan antara hubungan kekeluargaan itu, hubungan Presiden parti dengan seorang naib ketua dan hubungan misalnya sebagai Menteri Kewangan atau PM yang kadangkala dia datang dengan proposal yang berhubung dengan perniagaan. Adakah ia berlaku.

ABDULLAH - Yang pertama saya lihat dia sebagai memegang jawatan tertentu mewakili naib ketua Pemuda ada dua tiga mesyuarat Pemuda dan dia ada di situ. Dia bercakap atas kedudukan dia sebagai Naib Pergerakan Pemuda dan tidak pernah dia cakap desakan dan minta diri dia. Dia cakap sebagai wakil Pemuda UMNO.

Dan kalau hanya berkaitan dengan dia, tidak ada satu Khairy datang mintak. ini saya punya projek, Inilah abah saya punya projek, *I want you to approve*. Dia tau saya tidak akan beri. saya tak akan beri pada dia.

Adatidak kemungkinandiadigunakan oleh orang-orang yang nak kepentingan.

ABDULLAH - Mungkin, mungkin ada orang yang nak gunakan dia. Orang memang nak cari semua orang nak guna, dia cari anak, dia cari menantu, dia cari bini dia semua, lepas tu cari kawan karib, dia cari sapa kenalan sekolah yang zaman dulu. Dia cari orang kampung yang kenal saya. Macam-macam orang supaya mereka datang pada saya, ini tolong tengokkan, tolong tengokkan.

Balik-balik bertimbun kertas. Semua orang yang nak sesuatu akan cari siapa yang mereka ingat boleh bantu mereka.

Tapi yang penting dalam hal ini yang akan menentukan keputusan akhir saya. Banyak orang marah

Orang memang nak cari semua orang nak guna, dia cari anak, dia cari menantu, dia cari bini dia semua, lepas tu cari kawan karib, dia cari sapa kenalan sekolah yang zaman dulu. Dia cari orang kenal saya. Macam-macam orang supaya mereka datang pada saya, ini tolong tengokkan



pada saya. Apa ni tak dapat apa-apa pun dab lama Pak Lah jadi PM.

Ada juga tak dapat ada yang dapat. Yang dapat senyap yang tak dapat komplek. Kita kena adil dalam hai ini. Kita tak boleh bagi ikut suka.

Pemimpin dihormati bukan ditakuti

Ini yang dikatakan YAB kadang-kadang terlampau berhati-hati terlampau teliti, kelulusan perkara-perkara penting tertangguh terutama dalam projek Pembangunan.

ABDULLAH - Kalau perkara itu penting, kita mesti ambil masa untuk berfikir. Saya memang saya berpengalaman dalam dua tahun setengah sebagai PM. Saya tau. Tetapi saya berhati-hati dalam hal ini, saya tiada pengalaman yang lama untuk membuat sesuatu dengan secepat mungkin.

Ada masa kita perlu berhati-hati. Satu perkara yang saya tau semenjak jadi PM, apa yang saya buat buruk baiknya banyak orang akan terima kesannya. Kalau buruk padahnya, kalau baik alhamdulillah.

Yang saya bimbang kalau jadi salah, kalau jadi tak elok, ramai orang yang akan menderita, rakyat jadi sengsara. Hanya dua perkara.

Tapi ada juga kemungkinan kadang-kadang sifat YAB yang sangat **gentle**, membuatkan orang kalau kita pergi kepada konsep politik, kuasa politik **Michaevelli. The Prince**, seorang pemimpin itu seelok-eloknya dia popular dan dia ditakuti. Tapi kalau pilihan yang ada satu, baiklah dia ditakuti.

ABDULLAH - Saya lebih suka orang pilih saya dihormati. Sebagai seorang Islam saya tak percaya pada pendekatan Michaevelli itu mesti diamalkan. Tidak boleh. Kita tidak boleh kata cara dapat dihalalkan. Apa saja cara dapat dihalalkan, tak boleh macam tu, saya tak pegang pada falsafah itu.

Rakyat melihat sebagai per-

bandingan seperti di Singapura ada watak yang ditonjolkan seperti Lee Kuan Yew, dan kita juga 22 tahun digambarkan dengan karakter Tun Mahathir. Begitu karakter, barulah dikatakan benda di negara dapat berjalan. Tiba-tiba bila YAB datang di kerusi itu, macam merasakan sifat terlalu **gentle** antara faktor membuatkan sikap lembap.

ABDULLAH - Itu bukan soal **gentle** atau soal lembap, soalnya tegas atau pendirian atau wajar atau yang benar atau yang elok. Keras lembut lembik itu lain, yang penting pada saya ialah yang pertama ialah kebenaran dan keadilan.

Kalau yang buat itu benar dan adil, itulah ketegasan dalam keputusan. Saya sentiasa buat keputusan yang kadang-kala cukup susah pada saya. Tapi pada saya kenalah, buat selamba aje, tak perlu tunjuk. Itu saya punya *first time*.

Kadangkalanya di bilik berita kadangkala ada dua menteri yang menghuraikan satu masalah dengan dua nada yang berbeza.

ABDULLAH - Nada berbeza tak mengapa, jangan maklumat maknanya fakta yang berbeza. Setengah orang macam Samy Vellu nadanya cukup keras macam nak lawan orang. Mustapha Mohamad nada biasa je, tak pernah tengok suara dia naik tinggi.

Tapi yang penting jangan ada perbezaan *substance* atau isi atau kandungan..

Kadangkala mereka terlalu dahulu bercakap dengan media.

ABDULLAH - Ada yang saya tegur, saya tengok akhbar, saya cakap dalam telefon apa yang *you* cerita ni *what are you talking about, you* patut betulkan. Bila saya tengok sesuatu yang tidak betul saya telefon menteri. Dulu masa menteri alam sekitar, dari Sarawak, saya lalu satu kawasan, masa tu Law Heng Ding, saya nampak open *burning*, saya telefon saya kata *now open burning. You better check* dan dia kelam kabut tengok.

Saya biasa baca berita 200 penanam sayur dikerah keluar kawasan pertanian yang haram. Saya telefon Khir Toyo, saya kata, Khir *you* pergi tengok sebelum benda ni jadi kelam kabut, sebelum perang mulut antara kumpulan Cina dengan kerajaan pimpinan Melayu. Pergi sekarang juga dapatkan saya maklumat.

Dia kata tempat itu dah lama tan sayur. 80 peratus bekalan sayur KL datangnya dari tempat itu. Saya kata kalau kau keluarkan dia mana sayur KL nak datang. Halalkan tempat itu, tambah tanah dan saya suruh bawa penanam sayur daripada Melayu dan India ke kawasan itu. Biar semua jadi kawasan Melayu dan India. Saya buat lawatan dan saya lihat semua berjalan dengan baik.

Musa Aman begitu juga, saya telefon dia apa jadi. Jadi kalau tak puas hati saya telefon.

Pemilikan syarikat asing

Datuk Seri kita kebetulannya di ambang menyambut kemerdekaan ke-49 tahun merdeka. Dengan hari ini juga kita dengar istilah bentuk penjajahan baru. dan antaranya yang dikaitkan dengan bentuk penjajahan baru ialah pemilikan asing dalam syarikat negara yang palingsensitif ialah syarikat Singapura sebab sentimen yang ada hari ini.

ABDULLAH - Yang pertama saya kata apa salahnya kalau syarikat lain negeri lain hak beli saham dalam syarikat kita kerana itu baik sebab mereka yakin dengan syarikat kita, sebab itu dia orang beli.

Tapi yang penting dalam hal ini kita nak jaga supaya kepentingan kita, *control* itu kita jaga jangan

sampai diambil alih.

Dalam hai ini tiada satu pun syarikat kita diambil alih oleh syarikat ini. Soalnya sekarang ini kita buka yang nak beli saham ini syarikat mana-mana seperti dari AS ke, Jepun ke, Korea ke, kalau Singapura beli dia belilah. Tapi banyak orang bila sebut Sinagapura ni dia lain sikit, kena tanya merekalah, saya tak tau.

Proton

Kalau kita boleh mengimbas kepada suasana perbincangan pada Perhimpunan Agung UMNO tahun lalu, salah satu sentimen daripada perwakilan ialah Proton, satu projek kereta nasional. Dan hari ini timbul kebimbangan malah dibangkitkan seolah di era Datuk Seri projek ini tidak mendapat perhatian sama sekali?

ABDULLAH- Projek ini memang mendapat perhatian dan saya tahu proton itu sebuah syarikat nasional, kebanggaan rakyat Malaysia. Saya tidak akan membenarkan Proton nanti tersungkur jatuh,

Saya akan buat apajuga untuk bantu Proton dan Proton pun banyak vendor dan bila Proton sakit, banyak juga vendor yang akan sakit.

Jadi dengan itu saya telah mengambil kepastian Proton dipastikan tidak akan tersungkur dan gulung tikar.

Termasuk meneliti semua Dasar Automotif Negara (DAN)?NAP.

ABDULLAH - Ya kalau ada (kekurangan), kita tidak ada masalah untuk-memperbaiki. Pada saya tak pernah jadi masalah. Kalau tak betul, kita betul dengan cepat.

F i t n a h t e r h a d a p K a m a l u d d i n

Tadi sayabercakap gelaran **Mr Clean** dan *Mr. Nice Guy* dan imej-imej yang ditonjolkan." Kembali saya kepada kadang-kadang niat itu terganggu bila ramai pula orang terlibat dengan kepentingan perniagaan dan selalunya perlumbaan politik tanah air diganggu kepentingan perniagaan.

DisampingKhairyJamaluddin,orangadabercakap tentang satu lagi K iaitu Kamaluddin Badawi dan penglibatan dan kecenderungan tingginya dalam dunia perniagaan dan telah menyalahgunakan hubungan dengan Perdana Menteri.

ABDULLAH - Kamaluddin tidak pernah menyalahkan hubungan antara dia dengan saya. Kamaluddin menjalankan perniagaan dalam satu bidang yang sebenarnya pada hari ini antara dua syarikat yang ada dalam dunia iaitu *integrated oil wmpany*.

Satu Amerika, satu dia. Dia tidak terlibat dengan mana-mana syarikat lain. Itu syarikat dia.

Kemudian dia beroperasi di luar negeri.

Kalau orang tanya dia kenapa beroperasi di luar negeri yalah kalau dah bapajadi Perdana Menteri, susah nak cari makan dalam negeri.

Kontrak perniagaan dia 80 peratus dari luar negeri. Itu rezeki dia dari luar negeri.

Petronas pun dia ada mengemukakan tender terbuka unttk projek antarabangsa. Dan dia biasa mendapat. Itu pun kecil berbanding apa yang dia dapat dari luar negeri. Apabila dia tender, dia bersaing dengan syarikat lain.

Diajugamenghantartenderuntukmendapatkanprojek dari Shell, Murphy, Esso. Itu kerja dia sebab itu bidang perniagaan, dia yang ada kaitan dengan, gas dan minyak Kamaluddin terlibat dalam syarikat tempatan atau konsesi-konsesi. Tak ada. Tak pernah mintatolong kerajaan. Tak pernah terlibat dalam perkara yang memerlukan *bail out* Tak ada apa.

Jadi sepanjang menjadi Menteri Kewangan, belum ada satu tender kerajaan yang diperoleh syarikat dimiliki Kamaluddin?

"Kalau bidang kementerian tertentu ada menteri. Mereka bertanggungjawab menjelaskan kepada rakyat Rakyat yang ingin tahu. Apa yang sedang berlaku. Itu yang dijalankan. Dan memang jemaah menteri lebih suka kalau saya tidak bercakap. Dan banyak orang yang menganggap bahawa saya tidak bercakap itu adalah baik "

ABDULLAH - Tidak ada sebarang apa yang dia buat itu sampai ke pengetahuan saya yang kerananya saya angguk ke apa. Tak adalangsung. Dan dia pun tidak mengurus secara langsung perniagaan sebab dia ada pengurusan. Dia pemegang saham besar, dia di atas. Dia buat gerakan lain seperti mengambil alih misalnya syarikat Singapura, Choon Hup yang ada 188 buah kapal untuk mengangkut arang batu di Indonesia. Dia ada kapal. Bukan tidak ada syarikat yang bagi dia kemudahan menjalankan satu perniagaan.

Ada yang kata projek mono-rel Pulau Pinang telah disimpan untuk Kamaluddin?

ABDULLAH - Hanya cakap. Siapa cakap macam itu. Itulah kadang-kadang *it's hard to be nice*.

Mungkin sudah sampai masa untuk tidak menjadi terlalu baik atau *gentle*?

ABDULLAH - Saya bimbang juga takut kalau terlajak nanti, susah saya.

Penjelasan isu Tun Dr. Mahathir

Saya tidak boleh lari daripada bertanyakan, mengapa Datuk Seri memilih dalam isu yang dibangkit oleh Tun Dr. Mahathir. Sebab kalau kita tak sentuh, seolah Datuk Seri kita tidak mahu menghadapi realiti, sebenarnya sedang berlaku. Dan, orang tertanya mengapa Datuk Seri memilih untuk berdiam diri?

ABDULLAH - Saya memilih berdiam diri sebab saya tidak mahu bertengkar dengan Tun dan akhbar. Saya tidak mahu. Dan, Tun sendiri pernah berkata, dalam satu kenyataan yang dibuat, dia kata: "Dia kecil hati kerana maklumat yang dikehendaki tidak dapat. Dia mengharapkan dapat diberi maklumat. Kalau Perdana Menteri sendiri tidak bercakap, bagilah menteri-menteri bercakap;"

Kalau begitu saya pilih menteri-menteri bercakap. Semua banyak perkara yang disebut itu dalam bidang menteri masing-masing.

Kalau bidang kementerian tentu ada menteri, Mereka bertanggungjawab menjelaskan kepada rakyat. Rakyat yang ingin tahu. Apa yang sedang berlaku: Itu yang dijalankan.

Dan memang jemaah menteri lebih suka kalau saya tidak bercakap.

Dan banyak orang yang menganggap bahawa saya tidak bercakap itu adalah baik.

Banyak orang yang kata pada saya, Pak Lah *go on*. Tak usahlah cakap nanti kelam kabut. Biarlah menterijawab sendiri, cukup.

Tadi saudara kata defensif. Bukan soal defensif tetapi soalan-soalan dituju kepada kerajaan dah kerajaan jawab.

Hubungan keluarga dengan parti

Ada soalan yang dituju kepada Datuk Seri dan ahli keluarga, tidak mungkin ada orang lain yang boleh jadi jurucakap?

ABDULLAH - Saya tak suka membawa hal-hal berkaitan keluarga. Itu pandangan saya dalam hal ini apa perlu. Saya tahu anak-anak saya tidak terlibat dengan perkara yang mungkin menjadi tuduhan orang-orang tertentu, saudara tanya saya, saya jawab. Kalau tidak saya tidak jawab. Anak-anak saya tidak terlibat dalam apa-apa syarikat atau konsesi kerajaan beri atau mengharapkan *bail out*, bantuan, tak ada. Dia buat kerja sendiri,

Khairy, pun dia kerja sendiri. Dia cari kerja. Takkanlah hidup tak ada pekerjaan. Dia ada anak isteri. Macam mana nak jaga.

Jadi masalah persepsi. Kalau tak dibetul daripada bisik menjadi cerita besar. Sebagai ketua negara tentu perlu difikirkan formula berkesan supaya persepsi begini diatasi.

ABDULLAH - Saya ni orang kata kalau masuk main bola tak sampai 10 minit orang dah hukum saya ni, macam mana ni.

Itulah kita nak tingkat tempo nak bergerak maju negara.

Cara saya lain daripada cara Tun Mahathir dulu. Cara saya dengan dia amat berlainan tapi saya tak pernah lari daripada matlamat. Matlamat saya tahu nak pergi ke mana. Wawasan 2020. Cara, cara sayalah dengan keadaan sekarang. Dengan harga minyak naik, kita kena pilih cara dan saya bertanggungjawab ke atas cara yang saya pilih.

Orang kata semua dibuat oleh Khairy. Mana ada Khairy. Takkanlah sampai berapa tahun menderita dalam politik dan susah menjadi Perdana Menteri kemudian serah kuasa pada dia. Mana boleh.

Agenda orang Melayu

Harapan kepada rakyat dan negara kerana ada agenda besar? Kita kadang-kadang terperangkap antara untuk memberi keutamaan kepada Melayu dan apakah perasaan bukan Melayu yang tergolong dalam golongan miskin.

ABDULLAH - Kita nak membasmi kemiskinan itu tanpa mengira kaum. Kita nak membasmi kemiskinan tegar selewat-lewatnya tahun 2010 tanpa mengira kaum. Itu tetap dasar dan tidak pernah diubah.

Tapi golongan miskin, ramai Melayu. Jadi bila ramai Melayu, kita bagi perhatian kepada golongan ramai nampak seolah-olah, ke situ sahaja yang kita pergi dan kita tidak mengambil endah masalah orang India. Samy Vellu biasa bawa pada saya.

Saya peruntukkan wang untuk satu program khas bagi membantu kaum India yang menghadapi pelbagai masalah. Saya berpegang kuat kepada strategi apa juga pembangunan yang kita buat mesti memberi bagi manfaat pada rakyat

Itu tidak boleh lari. Saya Pengerusi Barisan Nasional (BN). Saya Perdana Menteri kepada kerajaan BN. Yang menyokong BN dan menyokong saya dari semua kaum. Takkanlah bila saya nak tolong satu kumpulan, kumpulan ini tidak tolong. Keadilan mesti. Saya pegang. Allah Taala hendak supaya kita adil.

"Orang kata semua dibuat oleh Khairy. Maria ada Khairy. Takkanlah sampai berapa tahun menderita dalam politik dan susah menjadi Perdana Menteri kemudian serah kuasa pada dia, Mana boleh

"Apabila kamu menghakimkan antara manusia kamu kena adil." Bukannya Allah Taala kata kau mengadili sesama Islam.

Antara manusia mesti adil dan ia satu amanah yang diwajibkan oleh Allah dalam firmannya. Saya pegang kuat ayat ini. Sebagai Perdana Menteri, kerja-kerja ini adalah amal soleh menepati dalam kohsep ibadah, fardu kifayah.

Bila lagi nak buat beramal soleh. Dengan kuasa yang begitu besar sebagai Perdana Menteri tentu saya hendak meningkatkan amal soleh. Tentu saya hendak adil pada semua. Itu pegangan saya.

Saya melihat kalau fokus itu tidak diganggu, produktiviti meningkat?

ABDULLAH - Memang pun.

Dasar kasih sayang, adil dan ikhlas

Datuk Seri pernah mengingatkan wakil rakyat bahawa tempoh bulan madu telah tamat. Yang kita tahu Datuk Seri sebenarnya bermula madu sepanjang hayat dengan arwah isteri? Apakah formula berbulan madu sepanjang hayat itu dapat diterjemahkan kepada pemerintahan negara?

ABDULLAH - Kasih sayang, adil dan saksama dan ikhlas. Itulah saya dengan Allahyarham Kak Endon dahulu. Kak Endon tidak pernah mencurigai rasa kasih sayang saya kepada dia. Dan saya buktikan. Memang saya tunjukkan. Depan orang pun orang kata kenapa Pak Lah pegang pipi Kak Endon.

Bagaimana dapat diterjemahkan kepada rakyat?

ABDULLAH - Kasih sayang yang sama. Kasih sayang, ikhlas dan adil.

Dan Datuk Seri akan berjanji berpegang kepada ini?

ABDULLAH - Ya, saya akan pegang sebab itu amanah saya. Sebab itu kalau ada orang datang hendak jumpa saya, kalau saya tidak dapat berjumpa, saya susah hati. Apa ini Perdana Menteri lihat orang macam ini tidak penting. Saya tak dapat jumpa. Saya tak puas hati.

Apa perasaan dia datang dari jauh. Hajat dia mungkin kecil bagi PM yang ada perkara lebih besar tetapi yang kecil itu cukup besar bagi dia.

Takkan dia datang dari jauh dengan tambang, kita tak jumpa. Ini yang orang lemah pada saya. Kadang-kadang hendak keluar tersangkut.